

**DRAF TEKS UCAPAN YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF,
YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA PROGRAM LARIAN BERSIH HIJAU MPSP ANJURAN PUSAT
KHIDMAT KADUN MACHANG BUBOK, AHLI MAJLIS, JKKK BERSAMA
MPSP PADA 13 DISEMBER 2015 JAM 6.30 PAGI DI PADANG SRJK(C)
KAY SIN, MACHANG BUBOK.**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon
ADUN Machang Bubok

Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong
Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Dihormati Encik Ho Leng Hong
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur
Program Larian Bersih Hijau MPSP

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, MPSP

Pengerusi dan Semua Ahli-Ahli Jawatankuasa
JKKK Perkampongian Machang Bubok,
JKKK Taman Machang Bubok,
JKKK Bukit Teh

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan Larian Bersih Hijau MPSP pada pagi ini.

Saya amat gembira kerana berpeluang bersama Y.B. / Y.B., Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian pada Program Larian Bersih Hijau MPSP anjuran Pusat Khidmat KADUN Machang Bubok, Ahli Majlis, JKKK kawasan bersama MPSP.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjurkan program ini yang memberi kebaikan kepada semua. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Program larian ini dibahagikan kepada 3 aktiviti utama iaitu:-

- 1) Larian Bersih Hijau atau “Fun Ride” sepanjang 6km yang dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Kategori Wanita dan Kategori Lelaki,
- 2) Pertandingan Gotong Royong di 3 kawasan iaitu Taman Machang Bubok, Kampong Machang Bubok dan Taman Jambu.
- 3) Pertandingan Melukis Kanak-Kanak yang bertema Bersih Hijau vs. Deman Denggi.

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, penganjuran Larian Bersih Hijau MPSP ini dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat serta mampu meningkatkan taraf kesihatan dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti kehidupan mereka.

Dalam hal lebih sihat, MPSP mengadakan program Senamrobik Bersama MPSP termasuk program “Car Free Morning MPSP” untuk orang ramai di ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Aktiviti-aktiviti sukan dan riadah juga diperkenalkan dan diperkembangkan dengan harapan akan memanfaatkan dan meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal rakyat di Seberang Perai.

Untuk menggalakkan aktiviti sukan di kalangan kakitangan bersama orang ramai, MPSP telah mengadakan pelbagai kegiatan sukan sepanjang tahun 2015. Antara sukan yang telah dianjurkan ialah Boling dan Badminton serta menghantar pasukan-pasukan sukan seperti bola jaring, hoki dan boling padang untuk menyertai pertandingan atau kejohanan yang dianjurkan di peringkat negeri atau peringkat nasional. Di sini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan MPSP dalam melahirkan masyarakat yang sihat.

Para hadirin sekalian,

Objektif utama ketiga-tiga aktiviti pada pagi ini adalah untuk memastikan taraf kesihatan masyarakat khususnya KADUN Machang Bubok terjamin dan bebas dari penyakit. Namun usaha-usaha Pusat Khidmat KADUN Machang Bubok, Ahli Majlis, JKKK kawasan dan MPSP tidak akan berjaya tanpa penglibatan masyarakat keseluruhannya untuk sama-sama bertindak mengubah tabiat dan gaya hidup tidak sihat khususnya seperti membuang sampah di merata tempat dan membiarkan bekas-bekas berpotensi menakung air.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini menunjukkan bahawa rakyat Seberang Perai khususnya penduduk KADUN Machang Bubok memberi sokongan padu bagi memastikan usaha kita pada hari ini akan membuahkan kejayaan seperti yang diharapkan.

Seperti yang kita maklum, penyakit demam denggi ini bukanlah satu penyakit yang baru. Saya percaya ramai di antara kita di sini mempunyai saudara atau sahabat handai yang pernah dijangkiti demam denggi.

Mengikut rekod Jabatan Kesihatan Negeri pada bagi awal tahun ini, salah satu lokaliti antara lokaliti wabak terkawal di daerah Seberang Perai Tengah ialah di Taman Machang Bubok dan salah satu lokaliti titik panas atau “hot spot” ialah di Perkampungan Machang Bubok. Dua kematian akibat demam denggi dilaporkan dalam tempoh tersebut di Seberang Perai, iaitu satu(1) kes di Seberang Perai Utara dan satu(1) lagi kes di Seberang Perai Tengah. Sehubungan itu, dinasihati orang ramai yang mengalami demam dan tanda-tanda penyakit denggi

seperti sakit sendi, muntah, ruam dan kurang selera makan supaya mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital.

Walaupun kebanyakan kita tahu mengenai penyakit yang amat merbahaya ini, tidak ramai yang menjalankan langkah-langkah pencegahan bagi melindungi diri dan orang tersayang daripada dijangkiti.

Para hadirin sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, demam denggi adalah penyakit yang disebabkan oleh virus denggi dan pembawa virus atau vektor penyakit tersebut adalah nyamuk aedes. Untuk membiak, nyamuk ini memerlukan air. Hanya 7 hari diperlukan untuk aedes melengkapkan kitaran hidupnya daripada telur menjadi seekor nyamuk dewasa. Memandangkan keadaan cuaca di negara kita ini yang mempunyai taburan hujan dan lembapan yang tinggi ditambah oleh persekitaran yang banyak bekas-bekas berpotensi menakung air, keadaan ini menyediakan persekitaran yang sangat sesuai untuk nyamuk aedes membiak dan menyebabkan penularan penyakit denggi.

Bagi mengurangkan penularan penyakit demam denggi, strategi utama yang perlu diberi tumpuan adalah pengurangan tempat pembiakan. Semburan kabus bukanlah jawapan kepada masalah denggi kerana ia hanya membunuh nyamuk dewasa dan tidak memberi kesan kepada larva aedes. Oleh itu kita perlu memastikan bahawa persekitaran kita adalah bersih dan bebas daripada tempat-tempat yang boleh membiak nyamuk.

Dalam perkara ini, MPSP telah menjalankan berbagai usaha bagi memerangi denggi, antaranya menjalankan operasi pemeriksaan tapak-

tapak binaan, meningkatkan pelupusan sampah-sampah haram terutamanya di lokasi-lokasi kes dan wabak denggi, meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu serta, meningkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang membiak nyamuk aedes dan juga penganjuran program gotong royong.

Dalam hal penganjuran program gotong royong, sebanyak 586 program gotong royong telah dianjurkan dengan penglibatan MPSP di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga 9hb Disember 2015. Daripada bilangan 586, sebanyak 67 program gotong royong dianjurkan di Parlimen Bukit Mertajam dan daripada 67 program gotong royong tersebut sebanyak 50 program gotong royong diadakan di KADUN Machang Bubok. Penglibatan MPSP dalam penganjuran program-program gotong royong menunjukkan bahawa MPSP komited dalam usaha-usaha untuk membanteras penyakit demam denggi.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini tidak akan dapat mencapai matlamat pencegahan denggi tanpa penglibatan daripada setiap lapisan masyarakat. Setiap individu dalam sesuatu komuniti perlu memainkan peranan. Sikap yang cintakan kebersihan perlu diterapkan di dalam jiwa kita. Dalam kesibukan kita mengejar arus pembangunan, tanggungjawab kita untuk memelihara persekitaran tidak harus dilupakan. Dari premis kediaman, tapak-tapak binaan ke tempat-tempat tumpuan awam, kesedaran tentang tempat-tempat pembiakan nyamuk perlu ada bagi memastikan kita dapat mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengelakkan jangkitan denggi berlaku.

Tanggapan masyarakat bahawa masalah denggi adalah masalah MPSP atau Jabatan Kesihatan atau Y.B. atau pun pihak JKKK perlu

dikikis. Kita perlu bersatu, berganding bahu dan memainkan peranan aktif dalam usaha-usaha mencegah denggi. Sekurang-kurangnya, selaku individu, usaha memeriksa persekitaran kediaman selama 10 minit seminggu sekali adalah perlu untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan media pada Program Larian Bersih Hijau MPSP pada hari ini. Saya berharap pihak media akan terus memberi sokongan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya penyakit denggi dan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan. **“BASMI DENGGI TANGGUNGJAWAB BERSAMA” dan “JOM HAPUSKAN TEMPAT PEMBIAKAN AEDES”**

Dengan kata-kata tersebut, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak yang bertungkus lumus dalam menjayakan program pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang pada hari ini dan juga kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam Larian Bersih Hijau MPSP, Pertandingan Gotong Royong dan Pertandingan Melukis Kanak-Kanak .

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih